



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL.2/2024

DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PENGURUSAN DOKUMEN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, salah satu fungsi Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) adalah untuk memperkasa pembangunan kurikulum universiti selari dengan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia dan badan-badan profesional yang berkaitan. Bagi membantu pihak fakulti/institut/pusat menghasilkan dokumen yang berkualiti dan menepati standard program, mulai tahun 2022, pihak Pengajaran-UKM di bawah Portfolio Pembangunan Kurikulum telah mengambil inisiatif menyediakan klinik konsultasi kepada fakulti/institut/pusat berdasarkan permintaan melalui slot janji temu <https://calendly.com/pembangunankurikulum/konsultasi>.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan lagi proses semakan dokumen pembangunan kurikulum dan memastikan dokumen yang diterima daripada fakulti/institut/pusat memenuhi kualiti yang ditetapkan, sukacita pihak Pengajaran-UKM memohon kerjasama pihak fakulti/institut/pusat untuk membuat perancangan dan persediaan rapi serta mengambil perhatian beberapa maklumat penting seperti berikut:

- i) Fakulti/institut/pusat hendaklah memastikan dokumen (templat borang permohonan/senarai semak) yang digunakan adalah dokumen yang terkini. Dokumen yang terkini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pengajaran-UKM, www.ukm.my/pengajaran
- ii) Dokumen yang lengkap perlu dikemukakan kepada Pengajaran-UKM dalam bentuk:
 - a) salinan lembut (softcopy) melalui e-mel kepada tppk@ukm.edu.my (u.p Timbalan Pengarah Pembangunan Kurikulum). [Bagi melancarkan pengendalian e-mel, pihak fakulti/institut/pusat diminta untuk menggunakan satu (1) e-mel bagi setiap permohonan baharu/semakan program akademik/sijil profesional/kursus micro-credential] dan;
 - b) satu (1) salinan keras (hardcopy) yang dicetak depan belakang dan dicantumkan dengan kemas dan teratur menggunakan klip kertas.
- iii) Dokumen yang diterima dengan lengkap sahaja akan diproses. Dokumen yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada fakulti/institut/pusat.

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghppts@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pengajaran

- iv) Bagi dokumen yang dipulangkan kepada fakulti/institut/pusat untuk pembetulan perlu diambil tindakan pengemaskinian oleh pihak fakulti/institut/pusat dan perlu dikemukakan semula kepada Pengajaran-UKM dalam **tempoh satu (1) bulan daripada tarikh dokumen dipulangkan.** Kegagalan pihak YBhg. Prof. Ulung/Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan mengemukakan dokumen pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan akan memberi kesan kepada proses semakan di Pengajaran-UKM kerana permohonan tersebut akan dikira sebagai status permohonan baharu.

4. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai maklumat penting dalam pengurusan dokumen pembangunan kurikulum ini dan membuat hebahan kepada ahli di bawah pengurusan masing-masing. Sebarang pertanyaan, boleh dikemukakan kepada Puan Syafura Abdul Halim, pegawai Pengajaran-UKM di talian 03-89215942.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian dan terima kasih.

Yang benar,



PROF. Ir. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional, UKM